



NAMA :

KELAS :

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019

TINGKATAN 5

SEJARAH

Kertas 2

Ogos

2019

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruang yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian **Bahagian A** dan **Bahagian B**

3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**
4. Tulis jawapan bagi **Bahagian A** dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan
5. Tulis jawapan bagi **Bahagian B** pada **kertas jawapan yang berasingan**.
6. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan
7. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Bahagian A
[40 markah]
Jawab *semua* soalan.

1. Aktiviti perdagangan Tamadun India telah mengalami perkembangan yang pesat pada abad ketiga sebelum Masihi.

a) Apakah jenis barangan utama yang diperdagangkan?

i.

ii.

[2 markah]

b) Perkembangan sektor ekonomi dalam tamadun India telah merangsang kewujudan persatuan perdagangan dan perusahaan(sresthin).

i)Berikan contoh sresthin.

.....

.....

[2 markah]

ii)Bagaimanakah sresthin diatas berfungsi?

.....

.....

.....

[2markah]

c) Jelaskan kebaikan yang diperoleh Malaysia dengan penubuhan persatuan perdagangan dan perusahaan tempatan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2



Gambar di atas menunjukkan institusi pendidikan di Malaysia selepas kedatangan Islam.

a) Namakan dua jenis sistem pendidikan dalam masyarakat melayu.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

b) Terangkan ciri-ciri pendidikan madrasah.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

c) Pada pendapat anda, mengapakah institusi pendidikan Islam masih penting dalam perkembangan masyarakat Melayu di Malaysia ?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Akhbar, novel dan majalah memberikan impak yang besar kepada perkembangan semangat nasionalisme di Tanah Melayu bermula pada abad ke-20.

a) Namakan akhbar yang berjaya mengubah tahap pemikiran masyarakat Melayu terhadap kebangkitan semangat nasionalisme pada tahun 1920an dan 1930an.

(i)

(ii)

[2 markah]

b) Nyatakan isu-isu yang ditekankan dalam akhbar pada ketika itu

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Bagaimanakah akhbar, novel dan majalah boleh menjadi agen penyampai maklumat yang berkesan untuk memupuk semangat cinta akan negara dalam masyarakat?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4. Senarai berikut menunjukkan prinsip Rukun Negara.

- Kepercayaan Kepada Tuhan
- Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-Undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

(a) Apakah peristiwa yang dikaitkan dengan pembentukan Rukun Negara?

..... [1 markah]

(b) Apakah matlamat pengubalan Rukun Negara?

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

(c) Bagaimanakah anda sebagai warganegara boleh mengamalkan prinsip Rukun Negara?

.....

 [3 markah]


(d) Penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara telah berjaya melahirkan warganegara Malaysia yang hidup sejahtera. Buktikan.

.....

 [3 markah]

Bahagian B
[60 markah]
Jawab **tiga** soalan sahaja.

5. Mesopotamia berasal daripada bahasa Yunani yang bermakna tanah antara dua sungai.



- a) Jelaskan keistimewaan ciri-ciri Tamadun Mesopotamia. [4 markah]
- b) Tamadun Mesopotamia telah menyumbang kepada perkembangan tamadun dunia. Jelaskan pernyataan tersebut. [8 markah]
- c) Kod Undang-undang Hammurabi – berteraskan hak rakyat terhadap keadilan. Pada pendapat anda, mengapakah sistem perundangan yang teratur dan adil dapat membawa negara ke arah kecemerlangan? [8 markah]

6.

Perjanjian Hudaibiyah di tandatangani pada tahun 6 H bersamaan 628 M antara orang Islam Madinah dengan orang Arab Quraisy Makkah.

- a) Jelaskan peristiwa penting ke arah termeterainya Perjanjian Hudaibiyah. [4 markah]
- b) Kandungan Perjanjian Hudaibiyah menguntungkan orang Islam dalam jangka panjang. Buktikan. [8 markah]
- c) Apakah iktibar yang boleh diambil oleh pemimpin negara kita melalui Perjanjian Hudaibiyah. [8 markah]

7.

Semasa pemerintahan Khalifah Umar, Amr ibn al-As telah menakluk Mesir. Dengan itu Tamadun Islam telah bertembung dengan tamadun Yunani-Rom yang sudah pun bertapak di Mesir. Perluasan kawasan kerajaan Islam ke Baghdad pula telah menyebabkan berlakunya pertembungan antara tamadun Parsi dengan tamadun Islam.

(buku teks Sejarah Tingkatan 4: ms164)

- Bagaimanakah pertembungan tersebut berlaku? [4 markah]
- a) [4 markah]
- b) Jelaskan kesan pertembungan intelektual Islam kepada peradaban dunia yang lain. [8 markah]
- c) Penjajahan dan arus globalisasi mengakibatkan pertembungan kebudayaan berlaku begitu pantas dan meluas. Jelaskan kesan-kesan pertembungan budaya atau tamadun barat terhadap masyarakat Malaysia. [8 markah]
8. Kekayaan bahan mentah dan kedudukan yang strategik menjadi faktor pendorong kepada imperialisme Barat ke atas negara-negara di Asia Tenggara.
- a) Apakah maksud imperialisme? [4 markah]
- b) Selain faktor keistimewaan Asia Tenggara, perkembangan yang berlaku di luar Asia Tenggara juga turut membawa imperialisme Barat di Asia Tenggara. Buktikan. [8 markah]
- c) Berdasarkan pengetahuan sejarah dan pengetahuan anda, terangkan kesan-kesan yang ditinggalkan oleh imperialis Barat ke atas negara-negara Asia Tenggara. [8 markah]
9. Sebelum Perikatan ditubuhkan terdapat beberapa usaha mengadakan pakatan murni dalam kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu.
- a) Apakah makna Pakatan Murni? [4 markah]
- b) Jelaskan langkah-langkah untuk melaksanakan pakatan murni antara tahun 1949 – 1955. [8 markah]
- c) i) Apakah kepentingan mengekalkan konsep pakatan murni pada hari ini? [4 markah]
- ii) Jelaskan kesan jika rakyat negara ini mengabaikan pakatan murni yang telah dipersetujui sebelum merdeka. [4 markah]

10. Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, jentera pentadbiran kerajaan telah diperkemas. Malaysia telah mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan .

a) Apakah maksud demokrasi berparlimen ?

[4 markah]

b) Nyatakan ciri-ciri sistem pemerintahan demokrasi berparlimen yang dilaksanakan di negara kita.

[8 markah]

c) Pada pendapat anda, apakah kebaikan amalan pemerintahan secara demokrasi kepada sesebuah negara?

[8 markah]

11. Maklumat berikut berkaitan dengan asas-asas penggubalan dasar luar Malaysia.

Faktor Geografi Faktor Demografi

a) Bagaimanakah kedua-dua faktor di atas mempengaruhi dasar luar Malaysia?

[4 markah]

b) Jelaskan tentang dasar luar Malaysia:

(i) Pada tahap pertama

[4 markah]

(ii) Pada tahap ketiga

[4 markah]

c) Pada pendapat anda, bagaimanakah negara kita dapat menjamin hubungan luar yang baik dengan jiran?

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh:

Disemak oleh

Disahkan oleh:

Norhidah Mohd Tahir
Guru Sejarah Ting 5